

29 AUG 1996

SEKTOR AWAM DIJANGKA TERUS KEKURANGAN TENAGA PROFESIONAL, KATA PM

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sektor awam dijangka terus mengalami kekurangan tenaga profesional, teknikal dan yang terlatih dalam bidang tertentu selagi kerajaan tidak dapat menawarkan ganjaran yang lebih menarik kepada mereka.

Katanya banyak tenaga profesional kini berhijrah ke sektor swasta yang menawarkan gaji yang lebih lumayan.

"Sebaliknya bagi kerajaan pula, kita tidak dapat menyediakan gaji yang sama tinggi kepada golongan berkenaan seperti yang ditawarkan oleh swasta. Ini kerana jika berbuat demikian maka tenaga kerja di sektor lain yang tidak melibatkan kemahiran profesional akan turut menuntut kenaikan yang sama," katanya ketika merasmikan Hospital Nukleus Labuan di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan cuma dapat meminta maaf kepada rakyat akibat daripada kekurangan tenaga profesional dalam perkhidmatan kerajaan.

"Bukan kita tak nak buat (memberi ganjaran yang lebih kepada golongan profesional) tetapi kita tidak boleh berbuat demikian," katanya. -- BERNAMA

JS NMO